

PEMUGARAN PERINTAH BACA, FAHAM DAN AMAL AL-QURAN: ANALISIS FAKTOR PEMINGGIRAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN BERASASKAN TEORI KOGNITIF SOSIAL^(*)

(Revitalizing the Reading, Understanding, and Practicing the Qur'an: An Analysis of Marginalization Factors, Implications, and Recommendations Based on Social Cognitive Theory)

Arina Johari¹, Nurul Hanilah Mohd. Ismath²,
Nor Zainiyah Norita Mokhtar³, Siti Yuliandi Ahmad⁴

ABSTRACT

The command to *baca-faham-amal al-Quran* (read, understand, and practice the Qur'an) has served as a fundamental basis of Islamic civilization since the revelation of the first divine message. However, this concept is increasingly marginalized due to the growing influence of materialism, secularized thinking, digital culture, and weaknesses in religious education that emphasize memorization over meaningful engagement and application. This study aims to examine the factors contributing to the marginalization of *baca-faham-amal al-Quran*, analyse its implications for Muslim society, and propose a framework for its revitalization. A qualitative approach was employed through a two-stage

^(*)This article was submitted on: 28/08/2025 and accepted for publication on: 22/05/2026.

¹ Department of Malay Language, Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, International Islamic University Malaysia (IIUM)
Email: arinajr@iium.edu.my (Corresponding Author 1)

² Department of Arabic Language, Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, International Islamic University Malaysia (IIUM)
Email: hanilah@iium.edu.my (Corresponding Author 2)

³ Department of English Language, Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, International Islamic University Malaysia (IIUM)
Email: mnzainiyah@iium.edu.my

⁴ Department of Tourism, Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, International Islamic University Malaysia (IIUM)
Email: sitiyuliandi@iium.edu.my

content analysis. The first stage involved analysing scholarly discussions from journal articles, academic books, and relevant literature on Qur'anic literacy, digital Muslims, religious authority, and digital communication ethics. The second stage applied a thematic tafsir approach by examining two classical exegeses and one contemporary exegesis of four Qur'anic verses associated with the four principles of Social Cognitive Theory (Bandura, 1986). The findings identified five factors contributing to the marginalization of *baca-faham-amal al-Quran*: (i) social media addiction, (ii) fragmentation of religious information, (iii) digital ritualization, (iv) digital algorithm dominance, and (v) the lack of authoritative religious guidance. These factors may contribute to six major implications, namely the weakening of Qur'anic knowledge culture, identity confusion, diminished spiritual engagement, reduced influence of the Qur'an in daily life, deterioration of digital communication ethics, and the dissemination of unauthentic religious content. The findings further suggest that the marginalization of *baca-faham-amal al-Quran* may contribute to the phenomenon of digital impoliteness. To address these challenges, the study integrates four principles of Social Cognitive Theory with four selected Qur'anic verses to develop a revitalization framework for *baca-faham-amal al-Quran*. This study contributes to contemporary Qur'anic scholarship by proposing a conceptual framework that strengthens Qur'anic engagement and promotes the development of a Digital Qur'anic Culture in the contemporary technological era.

Keywords: *Digital Muslims; Baca-Faham-Amal Al-Quran; Social Cognitive Theory; Digital Qur'anic Culture; Digital Impoliteness.*

ABSTRAK

Perintah *baca-faham-amal al-Quran* merupakan asas pembinaan tamadun Islam sejak wahyu pertama diturunkan. Namun kini, konsep ini semakin dipinggirkan akibat kecenderungan kepada materialisme, sekularisasi pemikiran, dominasi budaya digital, serta kelemahan sistem pendidikan agama yang menekankan hafalan berbanding penghayatan. Maka,

makalah ini bertujuan meneliti faktor-faktor peminggiran baca-faham-amal al-Quran, mengupas kesan-kesannya terhadap masyarakat Islam, serta mencadangkan kerangka pemugaran konsep tersebut. Pendekatan kualitatif diaplikasikan, melalui kaedah analisis kandungan dua tahap. Tahap pertama melibatkan analisis terhadap perbahasan para sarjana yang terdiri daripada artikel jurnal, buku akademik dan karya ilmiah berkaitan literasi al-Quran, Muslim digital, autoriti agama dan etika komunikasi digital. Tahap dua ialah pendekatan tafsir tematik dengan merujuk dua tafsir klasik dan satu tafsir moden terhadap empat ayat al-Quran yang mempunyai perkaitan dengan empat prinsip dalam Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986). Dapatan analisis mengenal pasti lima faktor yang menyumbang kepada peminggiran al-Quran, iaitu i). ketagihan media sosial, ii). fragmentasi maklumat agama, iii). ritualisme digital, iv). dominasi algoritma digital dan v). kekurangan bimbingan agama berautoriti. Faktor-faktor ini berpotensi menyumbang kepada enam implikasi, iaitu pelemahan ilmu, kekeliruan identiti, kemerosotan penghayatan spiritual, pengurangan pengaruh al-Quran, kemerosotan etika komunikasi digital serta penyebaran kandungan agama yang tidak sah. Dapatan kajian turut membuktikan peminggiran al-Quran berpotensi menyumbang kepada fenomena ketidaksantunan digital. Bagi menanganinya, empat prinsip Teori Kognitif Sosial dengan empat ayat al-Quran diintegrasikan bagi membangunkan kerangka pemugaran baca-faham-amal al-Quran. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana pengajian al-Quran sebagai asas memperkukuh penghayatan al-Quran di era teknologi kontemporari.

Kata kunci: *Muslim Digital; Baca-Faham-Amal Al-Quran; Teori Kognitif Sosial; Budaya Qurani Digital; Ketidaksantunan Digital.*

1. PENGENALAN

Al-Quran, sebuah kitab suci umat Islam yang berperanan sebagai sumber utama akidah, syariah, dan akhlak. Wahyu pertama daripada Allah Taala dalam Surah al-'Alaq (96:1), yang bermaksud "*Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan*" memperlihatkan penegasan terhadap perintah membaca kepada umat Islam yang bukan sekadar ritual, tetapi sebagai asas pembinaan ilmu,

kefahaman, dan pengamalan hidup berteraskan tauhid. Sejak zaman Rasulullah SAW, al-Quran menjadi pedoman utama dalam pembentukan umat yang beradab dan tamadun yang maju. Menjelaskan tentang hal ini, Sahil (2024) dan Sebihi & Moazzam (2024) berpandangan tradisi Islam yang terlakar sepanjang sejarah amat menekankan tiga tahap asas interaksi dengan al-Quran, iaitu membaca (*qira'ah*), memahami (*tafahhum/tadabbur*), dan mengamalkan (*tathbiq'amal*). Ketiga-tiga tahap inilah yang kemudiannya membentuk kerangka epistemologi Islam dan menjadi asas pembinaan tamadun sehingga ke hari ini.

Namun, perkembangan teknologi digital telah mengubah secara signifikan cara masyarakat Islam memperoleh, memproses dan menyebarkan maklumat. Di media sosial misalnya, akses kepada ilmu pengetahuan semakin pantas, mudah dan meluas tanpa dibatasi oleh faktor geografi atau institusi (Johari, 2025b; Johari, 2019; Zahid & Johari, 2018). Perubahan ini turut mempengaruhi cara umat Islam berinteraksi dengan sumber-sumber keagamaan termasuk al-Quran. Jika sebelum ini proses pembelajaran agama banyak berlaku melalui institusi formal, pengajian bersemuka dan bimbingan guru, kini sebahagian besar maklumat agama diperoleh melalui platform digital seperti Facebook, TikTok, Instagram, YouTube dan aplikasi mudah alih. Fenomena ini seharusnya mewujudkan peluang yang besar untuk memperluas akses kepada al-Quran dan ilmu Islam. Namun demikian, perkembangan tersebut turut membawa cabaran baharu terhadap pembentukan hubungan manusia dengan wahyu. Hakikat ini didapati bertentangan dengan pendekatan al-Quran yang menekankan hubungan yang menyeluruh antara proses membaca, memahami dan mengamalkan wahyu daripada Allah S.W.T.

1.1 Sorotan Literatur

Fenomena literasi dan budaya membaca al-Quran memperlihatkan kajian awal banyak menumpukan hubungan masyarakat Islam dengan al-Quran dari sudut literasi dan Pendidikan, pembacaan dan penghayatan, amalan tingkah laku dan Islamisasi sebagai ilmu pengetahuan (Mohd Hambali & Shukri Ahmad, 2017; Abdul Halim et al., 2019; Mohd Ismath et al., 2023; dan Al-Attas, 1993). Persimpangan antara celik al-Quran dan peminggirannya memberi impak yang

ketara kepada nilai dan peradaban umat Islam, terutamanya dalam konteks era teknologi kontemporari dan media sosial (Sarim et al., 2025). Kajian oleh Mohd Hambali dan Shukri Ahmad (2017) menekankan kepentingan memperkukuh kefahaman Islam yang menyeluruh sebagai benteng menghadapi cabaran budaya global dan pemikiran moden. Penekanan diberikan kepada usaha menyepadukan nilai murni Islam dalam pendidikan untuk membina daya tahan masyarakat terhadap risiko penghakisan identiti Muslim. Mereka menegaskan bahawa globalisasi telah mengubah keutamaan masyarakat daripada budaya ilmu berteraskan wahyu kepada orientasi yang lebih materialistik. Abdul Halim et al. (2019) memperluaskan pandangan tersebut dengan mengatakan penggunaan media sosial yang tinggi telah mengubah pola penggunaan masa dan perhatian sehingga aktiviti membaca dan menghayati ilmu agama semakin terpinggir. Sementara Mohd Ismath et al. (2023) pula mendapati nilai-nilai al-Quran hanya memberi kesan apabila diterjemahkan kepada amalan dan tingkah laku harian. Terdahulu, Al-Attas (1993) ada menegaskan sekularisme tidak sesuai untuk dunia Islam dan mencadangkan Islamisasi ilmu pengetahuan, yang melibatkan proses pengasingan elemen asing dan penginfusian konsep Islam dalam kurikulum. Hal ini membuktikan literasi al-Quran harus kekal diposisikan sebagai landasan epistemologi yang mengawal pemikiran, menstruktur tingkah laku digital, dan membentuk budaya interaksi beradab masyarakat Islam (Alamin & Putri 2024; Saifullah, 2023). Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini lebih menumpukan aspek literasi dan pengamalan nilai Qurani secara umum tanpa meneliti tentang hubungan antara baca-faham-amal al-Quran yang dipengaruhi oleh budaya digital kontemporari.

Dalam konteks berkaitan tadabbur dan penghayatan al-Quran, para sarjana seperti Rahmawati et al. (2025) dan Sebihi & Moazzam (2024) menegaskan bahawa interaksi dengan wahyu tidak boleh terhad kepada pembacaan tekstual semata-mata. Rahmawati et al. (2025) telah meneliti laman sesawang *Muslimah.or.id* sebagai salah satu platform tafsir digital yang aktif menyebarkan kefahaman al-Quran kepada masyarakat, khususnya wanita Muslim. Beliau menegaskan bahawa platform tafsir digital memainkan peranan penting dalam memperkukuh hubungan masyarakat dengan al-Quran melalui penyediaan akses yang mudah, sumber yang pelbagai dan pendekatan pentafsiran yang relevan dengan kehidupan semasa. Namun, beliau turut mempersoalkan

tentang autoriti dan ketepatan pentafsiran al-Quran secara dalam talian yang semakin menjadi sumber rujukan masyarakat Islam. Dalam konteks ini, Sebihi dan Moazzam (2024) terlebih dahulu memperoleh dapatan yang melengkapkan penemuan Rahmawati et al. (2025) dengan menunjukkan bahawa teknologi digital bukan sahaja menyediakan akses kepada tafsir dan ilmu al-Quran, malah membentuk ekosistem pembelajaran Islam yang lebih interaktif melalui media sosial dan komuniti maya. Mereka turut mendakwa cabaran utama era digital bukan terletak pada teknologi itu sendiri, tetapi pada keupayaan pengguna mengekalkan keseimbangan antara penggunaan teknologi dan penghayatan agama. Walaupun kajian-kajian ini menekankan kepentingan kefahaman dan tadabbur al-Quran, perhatian terhadap hubungan antara penghayatan wahyu dan pembentukan tingkah laku dalam persekitaran digital masih terhad.

Seterusnya, perkembangan teknologi digital telah mengubah secara signifikan cara umat Islam memperoleh, mengakses dan mentafsir maklumat agama (Saifullah & Richtig, 2022; Alamin & Putri, 2024; dan Maharani & Nasrulloh, 2024). Saifullah & Richtig (2022), memaparkan penggunaan media digital berpotensi menjadi medium yang berkesan dalam mengetengahkan al-Quran dalam kalangan generasi muda. Media sosial, melalui platform *Quran Review* semakin mengambil alih peranan institusi tradisional sebagai sumber utama maklumat agama dalam kalangan generasi muda, sekali gus menimbulkan persoalan tentang autoriti dan kesahihan sumber. Alamin dan Putri (2024) menunjukkan sokongan bahawa literasi digital Qurani berpotensi memperluas akses kepada ilmu agama, namun turut meningkatkan risiko penyebaran maklumat yang tidak lengkap dan tidak sahih. Sementara kajian oleh Maharani dan Nasrulloh (2024) pula menunjukkan bahawa algoritma digital membentuk pengalaman keagamaan pengguna melalui fenomena bias pemikiran (*echo chamber*) yang menghadkan pendedahan kepada kepelbagaian pandangan dalam tradisi Islam. Al-Quran didapati berfungsi sebagai kompas moral sepanjang zaman untuk menangani cabaran digital moden seperti buli siber, berita palsu (*hoaks*), dan krisis identiti. Mereka menggariskan kerangka kerja untuk memelihara maruah diri (*muru'ah*) dan etika (akhlak) dalam talian melalui beberapa prinsip utama al-Quran seperti Tabayyun (Pengesahan), Memelihara Kehormatan (*Muru'ah*), Etika Berbicara, dan Pertanggungjawaban Ilahi. Dapatan-dapatan ini memperlihatkan bahawa transformasi digital bukan sahaja

mengubah medium penyampaian agama, tetapi turut mengubah struktur autoriti agama dan cara masyarakat memahami al-Quran.

Selanjutnya, kewujudan ruang interaksi sosial baharu dalam konteks perkembangan teknologi didapati memerlukan kerangka etika yang jelas bagi membimbing tingkah laku pengguna. Sehubungan dengan itu, sarjana-sarjana seperti Jaiyeoba et al. (2024), Azman et al. (2023), Jerome et al. (2024), New & Tay (2024), dan Sahil (2024) telah meneliti tentang cara nilai-nilai Islam dan al-Quran boleh berfungsi sebagai panduan dalam mengawal tingkah laku manusia dalam ruang digital. Jaiyeoba et al. (2024) berhujah bahawa al-Quran menyediakan satu kerangka panduan moral yang bersifat sejagat dan malar segar untuk menangani pelbagai dilema era moden. Mereka menegaskan nilai-nilai seperti amanah, kejujuran dan tanggungjawab sosial yang terkandung dalam al-Quran boleh menjadi asas kepada pembentukan etika hidup yang berintegriti melalui pendidikan. Namun demikian, kajian oleh Azman et al. (2023), Jerome et al. (2024), New & Tay (2024) dan Sahil (2024) menunjukkan bahawa media sosial masih dipenuhi dengan ujaran kebencian, komunikasi agresif serta polarisasi sosial yang bercanggah dengan prinsip komunikasi Qurani. Azman et al. (2023) menggunakan metodologi tinjauan tematik untuk menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan gangguan dan ucapan kebencian dalam talian di Malaysia. Mereka mendapati ketegangan siber telah mencetuskan jurang polarisasi yang secara jelas bercanggah dengan prinsip komunikasi Qurani. Kebergantungan pengguna terhadap gaya bahasa yang kasar dan provokatif di alam siber bukan sahaja mengikis nilai etika Islam dalam berkomunikasi, malah secara langsung menyumbang kepada perpecahan ummah dan ketidakstabilan sosial yang berpanjangan.

Jerome et al. (2024) menegaskan walaupun interaksi di platform X adakalanya singkat, ulasan dalam talian sering kali mencerminkan prasangka kaum/etnik, stereotaip, dan penindasan sistemik yang mendalam. Kajian ini merumuskan bahawa tingkah laku digital warga siber menunjukkan keperluan mendesak terhadap dasar nasional yang inklusif, dialog antara budaya yang saling menghormati, dan tindakan sosial bersama demi memupuk kesaksamaan serta keharmonian negara untuk jangka masa panjang. Sementara New & Tay (2024) pula mendapati platform digital ini sering menyebarkan naratif yang mengeksploitasi sensitiviti tempatan. Keberadaan algoritma media sosial yang

mengutamakan interaksi tinggi (*engagement*) secara tidak langsung mempercepat penularan hujah yang berbau prejudis, sekali gus mencabar keharmonian awam. Sahil (2024) menekankan peranan fiqh kontemporari dalam menetapkan etika media sosial bagi umat Islam berasaskan prinsip syariah untuk mencegah pelanggaran moral. Beliau mendapati larangan tegas terhadap penyebaran fitnah dan berita palsu serta kepentingan etika siber bagi memelihara kemaslahatan ummah dan Maqashid Syariah. Dapatan-dapatan ini menunjukkan wujud jurang antara pengetahuan tentang nilai agama dan pengamalannya dalam interaksi digital. Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan etika komunikasi di media sosial, masih kurang penelitian yang menjelaskan tentang hubungan individu dengan al-Quran dalam mempengaruhi pembentukan tingkah laku digital mereka.

Sorotan literatur yang telah dibincangkan memperlihatkan kajian terdahulu oleh para sarjana telah memberikan perhatian yang signifikan terhadap aspek literasi al-Quran, tadabbur, penggunaan media digital, autoriti agama dan etika komunikasi dalam kalangan masyarakat Muslim. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian meneliti aspek-aspek tersebut secara berasingan mengikut bidang masing-masing sehingga masih kurang penelitian yang menghubungkan ketiga-tiga dimensi utama interaksi dengan al-Quran, iaitu baca-faham-amal secara holistik dalam konteks masyarakat digital. Selain itu, walaupun pelbagai kajian telah menjelaskan pengaruh media sosial, algoritma digital dan transformasi autoriti agama terhadap kehidupan Muslim kontemporari, implikasi fenomena tersebut terhadap hubungan manusia dengan al-Quran masih kurang diberikan perhatian. Begitu juga, masih belum terdapat kerangka konseptual yang mengintegrasikan perintah baca-faham-amal al-Quran dengan teori pembentukan tingkah laku moden bagi menjelaskan cara budaya Qurani dibentuk, diperkukuh atau dipinggirkan dalam ekosistem digital. Justeru, kajian ini berusaha mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis i).faktor-faktor yang menyumbang kepada peminggiran baca-faham-amal al-Quran, ii).meneliti implikasinya terhadap individu dan masyarakat, serta iii).mencadangkan suatu kerangka pemugaran berasaskan integrasi Kerangka al-Quran dan Teori Kognitif Sosial (TKS, akan digunakan dalam penulisan selepas ini) oleh Bandura (1986).

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan melalui dua peringkat. Peringkat pertama melibatkan analisis literatur untuk mengenal pasti faktor-faktor peminggiran al-Quran serta implikasinya terhadap individu dan masyarakat hasil perbincangan para sarjana berdasarkan penerbitan dalam karya ilmiah seperti buku, tesis, artikel jurnal berkaitan literasi al-Quran, Muslim digital, autoriti agama dan etika komunikasi digital antara tahun 2019 hingga 2025. Analisis ini dilakukan melalui tiga kaedah, iaitu i). pengkodan: mengenal pasti kata kunci, konsep dan tema yang berulang dalam sorotan literatur, ii). pengelompokan: kod-kod awal dikelompokkan kepada subtema sebelum disintesis kepada tema-tema utama faktor dan implikasi, iii). sintesis kritis: menghubungkan dapatan dengan kerangka Integrasi al-Quran dan TKS, Bandura (1986) untuk menangani cabaran peminggiran al-Quran. Metodologi ini membolehkan dapatan dibina secara deskriptif-analitis (menjelaskan fenomena) dan normatif-preskriptif (mencadangkan pemugaran).

Seterusnya, peringkat kedua melibatkan analisis tafsir tematik (al-tafsir al-mawdu'i) terhadap empat ayat al-Quran dengan merujuk tiga karya tafsir utama, iaitu dua tafsir klasik: *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* oleh al-Tabari dan *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* oleh Ibn Kathir, diikuti satu tafsir moden, iaitu *Fi Zilal al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb. Pemilihan ayat dilakukan berdasarkan kesesuaiannya dengan empat prinsip utama dalam TKS melalui tiga langkah, iaitu i). mengenal pasti makna literal, konteks dan mesej utama setiap ayat berdasarkan huraian para mufassir, ii). mengekstrak nilai, prinsip dan elemen pendidikan yang terkandung dalam ayat., iii). memadankan nilai dan prinsip tersebut dengan empat prinsip TKS bagi membangunkan kerangka konseptual pemugaran perintah baca-faham-amal al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam.

2.1 Kerangka Teori

Kajian ini mengintegrasikan dua kerangka utama, iaitu kerangka ayat-ayat al-Quran yang dibangunkan melalui analisis tafsir tematik, iaitu Tafsir At-Tabari dan Tafsir Ibnu Kathir (tafsir klasik) serta *Fi Zilalil Quran* oleh Sayyid Qutb (tafsir moden), dan TKS oleh Bandura (1986). Pengintegrasian kedua-dua kerangka ini bertujuan untuk menjelaskan fenomena peminggiran al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam serta mengenal pasti mekanisme yang berpotensi menyumbang kepada kerelevanan pemugarannya dalam konteks semasa.

2.1.1 Kerangka al-Quran

Kajian ini menggunakan pendekatan tafsir tematik (*al-tafsir al-mawdu'i*) dengan merujuk tiga karya tafsir utama, iaitu dua tafsir klasik: *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* oleh al-Tabari dan *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* oleh Ibn Kathir; serta satu tafsir moden, iaitu *Fi Zilal al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb. Pemilihan ketiga-tiga tafsir ini bertujuan memperoleh kefahaman yang menyeluruh melalui gabungan perspektif tafsir klasik dan moden. Ayat-ayat al-Quran dipilih berdasarkan kesesuaiannya dengan empat prinsip utama dalam TKS. Berdasarkan proses tersebut, empat ayat dikenal pasti sebagai asas kepada pembentukan kerangka pemugaran baca-faham-amal al-Quran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Kerangka Ayat al-Quran dan Perkaitannya dengan TKS

Ayat Al Quran	Prinsip TKS
<p>Ayat 1: Surah al-Baqarah: 286</p> <p>لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ</p>	<p>Prinsip 1:</p> <p>Keyakinan terhadap kemampuan diri</p> <p>(<i>self-efficacy</i>)</p>
<p>Ayat 2: Surah al-Ahzab: 21</p> <p>لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَن كَانَ مِنَ الْأَنْزِلِ وَذَكَرَ اللَّهُ كَثِيرًا بَرَّحُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ</p>	<p>Prinsip 2:</p> <p>Teladan yang baik</p> <p>(<i>modelling</i>)</p>
<p>Ayat 3: Surah al-'Asr: 1-3</p>	<p>Prinsip 3:</p>

Sokongan sosial
(*social reinforcement*)

وَالْعَصْرُ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا
بِالصَّبْرِ

Ayat 4: Surah al-Ra'd: 11

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Prinsip 4:

Perubahan diri secara berterusan
(*reciprocal determinism*)

Jadual 1 memperlihatkan empat ayat yang mendasari Kerangka Ayat Al-Quran, iaitu surah al-Baqarah:286 yang menunjukkan perkaitan dengan prinsip keyakinan terhadap kemampuan diri (*self-efficacy*), diikuti oleh Surah al-Ahzab: 21 yang berkaitan dengan prinsip teladan yang baik (*modelling*). Selanjutnya, Surah al-‘Asr: 1–3 menunjukkan perkaitan dengan prinsip TKS yang ketiga, iaitu sokongan sosial (*social reinforcement*) manakala Surah al-Ra’d: 11 berkait dengan prinsip keempat TKS, iaitu perubahan diri secara berterusan (*reciprocal determinism*). Padanan empat ayat al-Quran dengan empat prinsip TKS ini akan diintegrasikan bagi membangunkan kerangka konseptual pemugaran baca-faham-amal al-Quran dalam konteks masyarakat Islam di era teknologi kontemporari.

2.1.2 Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986)

TKS menjelaskan bahawa tingkah laku manusia terbentuk melalui interaksi dinamik antara faktor peribadi, tingkah laku dan persekitaran. Teori ini memerihalkan tentang proses pembelajaran manusia yang terbentuk dalam lingkungan sosial, iaitu dengan mempelajari pengetahuan, aturan-aturan, sikap, keyakinan dan perilaku berdasarkan pemerhatian mereka. Seseorang individu akan melakukan pemerhatian terhadap *role model* yang dipilih, kemudian bertindak mengikut perilaku yang sesuai setelah yakin dengan kemampuan dan hasil yang diharapkan. Perlakuan ini turut menjelaskan tentang proses sosial dan proses kognitif yang mendorong pemahaman lanjut tentang motivasi, emosi, dan tindakan manusia untuk mencapai sesuatu tujuan hidup. Teori ini mengemukakan empat prinsip utama, iaitu i). keyakinan terhadap kemampuan

diri (*self-efficacy*): proses kognitif seperti kepercayaan, nilai, pemikiran, pengetahuan, dan keyakinan diri, ii). teladan yang baik (*modelling*): tindakan dan respons fizikal atau verbal individu, iii). sokongan sosial (*social reinforcement*): persekitaran fizikal dan sosial, termasuk pengaruh luaran, insentif, hukuman, dan interaksi dengan orang lain, dan iv). perubahan diri secara berterusan (*reciprocal determinism*): keyakinan seseorang boleh mempengaruhi tingkah laku; tingkah laku boleh mengubah persekitaran mereka.

Dalam konteks kajian ini, prinsip keyakinan terhadap kemampuan diri merujuk keyakinan individu untuk membaca, memahami dan mengamalkan al-Quran. Prinsip teladan yang baik pula berkait dengan pengaruh ibu bapa, guru, pendakwah dan tokoh masyarakat dalam membentuk budaya Qurani. Prinsip sokongan sosial merujuk sokongan dan galakan daripada komuniti serta institusi sosial, manakala perubahan diri secara berterusan menjelaskan tentang hubungan antara individu, tingkah laku dan persekitaran digital yang mempengaruhi penghayatan terhadap al-Quran secara berterusan. Dalam konteks ini, TKS dipilih kerana menyediakan kerangka yang sesuai untuk menjelaskan proses pembentukan dan pemugaran baca-faham-amal al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam kontemporari.

3. DAPATAN

3.1 Faktor Peminggiran dan Implikasi terhadap Baca-Faham-Amal al-Quran

Berdasarkan analisis secara menyeluruh daripada pelbagai sumber literatur perbahasan para sarjana yang relevan, lima faktor peminggiran al-Quran ditemui dalam kalangan masyarakat Muslim hari ini, iaitu i). ketagihan media sosial, ii). fragmentasi maklumat agama, iii). ritualisme digital, iv). dominasi algoritma digital dan v). kekurangan bimbingan agama berautoriti. Dapatan turut mengenal pasti enam implikasi yang terhasil berdasarkan faktor-faktor peminggiran, iaitu i). pelemahan budaya ilmu Qurani, ii). kekeliruan identiti Muslim digital, iii). kelemahan penghayatan spiritual, iv). pengurangan pengaruh al-Quran dalam kehidupan, v). kemerosotan etika komunikasi digital serta vi). penyebaran kandungan agama yang tidak sahih. Dapatan ini dipaparkan dalam Jadual 2 diikuti huraian terperinci untuk memperlihatkan perbincangan hasil analisis.

Berdasarkan Jadual 2, faktor ketagihan media sosial yang merupakan antara faktor paling dominan yang menyumbang kepada peminggiran al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam. Tema ini muncul daripada dapatan Abdul Halim, Z. Z et al. (2019) dan Maharani & Nasrulloh (2024) yang memperlihatkan situasi peningkatan masa penggunaan media sosial telah mengubah corak interaksi generasi muda terhadap ilmu dan amalan keagamaan. Abdul Halim Z. Z et al. (2019) berpunca daripada kurangnya masa yang digunakan untuk berinteraksi dengan al-Quran, sebaliknya masa yang digunakan untuk melayari media sosial sangat tinggi. Dapatan ini diperkukuhkan oleh Maharani dan Nasrulloh (2024) yang menunjukkan bahawa kebergantungan kepada platform digital menyebabkan pengguna lebih cenderung memilih kandungan yang bersifat santai, menghiburkan dan memberikan kepuasan segera.

Jadual 2

Faktor Peminggiran dan Implikasinya terhadap Baca-Faham-Amal al-Quran

Faktor	Mekanisme	Implikasi	Sumber Literatur
	Peminggiran al-Quran		
Ketagihan Media Sosial	Kurang berinteraksi dengan al-Quran: Masa yang digunakan untuk melayari media sosial sangat tinggi	Pelemahan budaya ilmu al-Quran	Abdul Halim, Z. Z et al. (2019) Maharani & Nasrulloh (2024)
	Keutamaan kandungan hiburan: Kebergantungan kepada platform digital		
Fragmentasi Maklumat Agama	Kefahaman dangkal: Bergantung pada isi kandungan yang	Kekeliruan Identiti	

	pendek (reels, TikTok) yang sering dangkal dan tidak berautoriti.	Muslim Digital	Jaiyeoba et al. (2024) Saifullah (2023)
	Maklumat agama ringkas dan tidak lengkap		
	Kekeliruan sumber agama: Autoriti agama dipintas oleh media sosial		

	Penghayatan rendah: Penggunaan ayat al-Quran sebagai simbol		Razali et al. (2019) Nasr (2010) Sahil (2024) Sebihi dan Moazzam (2024)
Ritualisme Digital	Simbol tanpa penghayatan: Penggunaan agama secara simbolik	Kelemahan penghayatan spiritual	

Dominasi Algoritma Digital	Pengaruh algoritma: Keutamaan diberikan terhadap kandungan viral	Pengaruh al- Quran semakin rendah	Alamin & Putri (2024)
	Bias pemikiran (<i>Echo chamber</i>) agama: Penguakuan bias	Kemerosotan etika komunikasi digital	Maharani & Nasrulloh (2024) Azman et al. (2023) Jerome et al. (2024) New dan Tay (2024)
Kurang Bimbingan oleh Ahli Agama	Tafsiran bebas: Sumber tidak sah oleh individu tanpa kelayakan	Penyebaran kandungan al-Quran yang tidak sah tanpa kawalan	Saifullah & Richtig (2022) Jaiyeoba et al. (2024) Abdul Halim, Z.Z et al. (2019)
	Kekeliruan agama: Pendakwah segera (<i>instant preacher</i>)		

Dalam konteks ini, kandungan hiburan yang pendek dan pantas lebih mudah menarik perhatian berbanding aktiviti membaca al-Quran yang memerlukan komitmen kognitif dan spiritual yang lebih tinggi. Fenomena ini menyebabkan implikasi langsung terhadap peluang individu untuk berinteraksi secara mendalam dengan al-Quran kerana proses membaca dan mentadabbur wahyu memerlukan tumpuan, kesabaran dan refleksi yang berterusan. Akibatnya, berlaku peralihan keutamaan daripada budaya ilmu kepada budaya hiburan yang secara tidak langsung mengurangkan ruang untuk penghayatan al-Quran dalam kehidupan harian.

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti **fragmentasi atau serpihan maklumat agama** sebagai faktor yang menyumbang kepada peminggiran al-

Quran. Tema ini muncul dalam kajian Jaiyeoba et al. (2024) dan Saifullah & Richtig (2022) yang menunjukkan bahawa maklumat agama dalam ruang digital sering disampaikan secara ringkas, terpisah daripada konteks asal dan tidak melalui proses penjelasan yang menyeluruh. Jaiyeoba et al. (2024) menjelaskan bahawa penyebaran maklumat agama melalui media sosial seperti *reels* dan *TikTok* yang banyak bergantung kepada kandungan pendek seperti video satu minit, poster digital atau petikan ayat yang diringkaskan. Pendekatan ini sering menyebabkan mesej agama kehilangan konteks asal dan kedalaman makna yang diperlukan untuk memahami sesuatu isu secara menyeluruh. Dalam konteks yang sama, Saifullah & Richtig (2022) mendapati media sosial semakin mengambil alih peranan institusi tradisional sebagai sumber utama maklumat agama. Situasi ini menunjukkan autoriti agama tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada ulama, guru atau institusi pendidikan Islam, tetapi turut dipengaruhi oleh algoritma dan populariti kandungan. Pengguna akan sering berhadapan dengan pelbagai tafsiran yang bercanggah, sekali gus menimbulkan kekeliruan tentang sumber agama yang sah dan berautoriti. Ilmu agama tidak lagi diperoleh melalui *talaqqi* tradisional atau pembacaan tafsir, tetapi melalui potongan video yang dipengaruhi oleh konsep "*viral culture*". Faktor ini memperlihatkan implikasi dalam pembentukan identiti umat Islam sebagai pengguna teknologi, yang sepatutnya dibentuk melalui interaksi yang mendalam dengan al-Quran namun menjadi semakin cair dan bergantung kepada naratif digital yang berubah-ubah. Situasi ini secara tidak langsung membentuk generasi yang mempunyai akses luas kepada maklumat tetapi kurang kemampuan menapis kuasa sumber, sekali gus akan menimbulkan risiko apabila identiti keagamaan dibina berdasarkan maklumat yang tidak lengkap atau tidak mempunyai asas keilmuan yang kukuh.

Seterusnya, faktor peminggiran al-Quran berlaku disebabkan fenomena **ritualisme digital**. Tema ini muncul daripada dapatan Razali et al. (2019) dan Nasr (2010) yang menunjukkan bahawa al-Quran semakin kerap digunakan sebagai simbol keagamaan dalam ruang digital tanpa disertai usaha memahami dan mengamalkan kandungannya. Ayat-ayat al-Quran sering digunakan sebagai status media sosial (whatsapp), kapsyen, gambar profil atau latar belakang visual (TikTok) untuk menunjukkan identiti keagamaan pengguna (Razali et al., 2019). Walaupun generasi digital mempunyai akses yang luas kepada kandungan

agama, hubungan mereka dengan al-Quran sering berlaku pada tahap permukaan tanpa melalui proses tadabbur yang mendalam. Pandangan ini bertepatan dengan hujah Nasr (2010) yang menjelaskan bahawa salah satu cabaran masyarakat moden ialah kecenderungan menjadikan agama sebagai simbol budaya tanpa disertai penghayatan spiritual yang mendalam. Dalam konteks digital, isu ini dapat dilihat apabila ayat-ayat al-Quran dikongsi secara meluas tetapi tidak diterjemahkan dalam bentuk perubahan tingkah laku, akhlak atau amalan harian.

Dalam konteks ini, masyarakat Islam sebenarnya mengalami fenomena yang disebut oleh Baudrillard (1994) sebagai *simulacra*, iaitu menggantikan perkara realiti dalam kehidupan dengan simbol-simbol yang mengaburi makna sebenar. Al-Quran hanya dipamerkan tanpa dihayati makna hakikinya. Analisis ini menunjukkan bahawa ritualisme digital ialah simptom daripada budaya global yang mengutamakan penampilan (*appearance*) berbanding substansi (*substance*); berupaya memberi ancaman kepada kedudukan al-Quran sebagai pedoman hidup utama. Walaupun amalan ini mempunyai nilai positif dari sudut penyebaran mesej Islam, penggunaannya sering berlaku tanpa penghayatan terhadap maksud ayat yang dikongsi. Implikasinya, al-Quran didapati lebih berfungsi sebagai simbol identiti berbanding sumber panduan dan kesejahteraan kehidupan, serta tidak lagi berfungsi secara optimum sebagai sumber ketenangan, panduan dan pembentukan spiritual. Nasr (2010), Sahil (2024) serta Sebihi dan Moazzam (2024) menegaskan bahawa cabaran utama masyarakat moden bukanlah kekurangan maklumat agama, tetapi kehilangan hubungan yang mendalam dengan sumber makna dan tujuan hidup. Apabila hubungan dengan wahyu semakin lemah, keupayaan individu untuk menjadikan al-Quran sebagai sumber panduan dalam menghadapi cabaran kehidupan turut berkurangan.

Selanjutnya, **dominasi algoritma digital** turut menjadi faktor peminggiran terhadap perintah baca-faham-amal al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam. Dapatan ini muncul daripada kajian oleh Alamin & Putri (2024) serta Maharani & Nasrulloh (2024) yang menunjukkan bahawa algoritma media sosial memainkan peranan besar dalam menentukan jenis maklumat yang dipaparkan kepada pengguna. Dalam kebanyakan platform digital, algoritma direka untuk mengutamakan kandungan yang mampu menjana interaksi tinggi seperti tontonan, perkongsian, komen dan reaksi pengguna. Alamin & Putri

(2024) menjelaskan bahawa budaya digital hari ini didorong oleh logik keterlihatan, iaitu kandungan yang paling banyak menarik perhatian akan terus dipromosikan oleh algoritma. Hal yang sebegini menyebabkan kandungan agama yang bersifat ringkas, emosional dan mudah tular lebih mudah tersebar berbanding penjelasan al-Quran yang mendalam dan berasaskan tafsir. Secara tidak langsung, menggalakkan pengguna untuk mendapatkan ilmu agama melalui bentuk maklumat yang ringkas dan terpecah-pecah, sekali gus mengurangkan kecenderungan mereka untuk membaca dan mentadabbur al-Quran secara menyeluruh. Dalam konteks yang sama, Maharani dan Nasrulloh (2024) mendapati algoritma menyebabkan pengguna akan terus menerima pandangan yang sama berulang kali sehingga mengukuhkan bias pemikiran (*echo chamber*) tertentu dan mengehadkan pendedahan kepada perspektif yang lebih luas. Implikasinya, kandungan yang bersifat sensasi, kontroversi dan hiburan lebih mudah mendapat capaian luas dan tinggi berbanding kandungan yang memerlukan renungan dan penghayatan seperti tadabbur al-Quran. Masyarakat Islam bukan sahaja kekurangan maklumat agama, tetapi kehilangan hubungan yang mendalam dengan sumber makna dan tujuan hidup sekali gus mewujudkan polarisasi dalam pemikiran agama.

Azman et al. (2023), Jerome et al. (2024) dan New dan Tay (2024) membuktikan peningkatan ujaran kebencian (*hate speech*), komunikasi agresif (buli, memaki hamun) dan konflik dalam media sosial menunjukkan ruang digital semakin dipenuhi dengan bentuk komunikasi yang bercanggah dengan prinsip-prinsip komunikasi yang digariskan oleh al-Quran. Berdasarkan analisis, kajian ini menemui dimensi baharu, iaitu krisis etika komunikasi tersebut berkait secara langsung dengan normalisasi ketidaksantunan digital. Hal ini bertentangan dengan konsep qaulan sadida (perkataan yang benar), qaulan ma'rufa (perkataan yang baik), qaulan layyina (perkataan yang lembut) dan qaulan karima (perkataan yang mulia) menunjukkan bahawa Islam menekankan kesantunan, kebenaran dan penghormatan dalam komunikasi (Maharani dan Nasrulloh, 2024). Namun demikian, apabila konsep amal al-Quran ini semakin dipinggirkan, nilai-nilai qaulan tersebut gagal diterjemahkan ke dalam interaksi digital.

Selanjutnya, analisis turut mendapati faktor **kurang bimbingan oleh ahli agama** yang berautoriti dalam ruang digital turut menyumbang kepada peminggiran al-Quran dalam kalangan masyarakat digital. Tema ini muncul

daripada dapatan Saifullah (2023) dan Jaiyeoba et al. (2024) yang menunjukkan bahawa perkembangan media sosial telah mengubah struktur penyampaian ilmu agama. Ramai pendakwah segera (*instant preachers*) muncul dengan bacaan literal yang lebih mudah viral berbanding penjelasan ilmiah yang telus dan mendalam. Saifullah & Richtig (2022) misalnya, menjelaskan bahawa ramai pengguna muda memperoleh pengetahuan agama melalui platform digital yang tidak semestinya dikendalikan oleh individu yang mempunyai latar belakang pengajian Islam yang kukuh. Keadaan ini membuka ruang kepada penyebaran tafsiran yang tidak sah, penggunaan dalil di luar konteks serta penyederhanaan isu-isu agama yang kompleks. Akibatnya, pengguna mungkin mempunyai akses yang luas kepada maklumat agama tetapi tidak semestinya memperoleh kefahaman yang tepat tentang kandungan al-Quran.

Sementara Jaiyeoba et al. (2024) memperkukuhkan dapatan ini dengan menegaskan bahawa kemunculan fenomena *instant preacher* atau pendakwah segera telah mengubah landskap dakwah digital. Walaupun sebahagian daripada mereka berjaya menarik minat masyarakat terhadap agama, terdapat juga kecenderungan untuk menyampaikan mesej yang terlalu ringkas, sensasi atau berorientasikan populariti sehingga mengabaikan disiplin ilmu tafsir dan metodologi keilmuan Islam yang sebenar. Implikasi daripada situasi ini, wujud situasi dakwah kabur yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna Islam, khususnya generasi muda yang masih dalam proses membentuk kefahaman agama mereka. Jika sebelum ini autoriti agama banyak diwakili oleh ulama, guru agama dan institusi pendidikan Islam, kini sesiapa sahaja boleh menghasilkan dan menyebarkan kandungan agama kepada khalayak umum tanpa melalui proses semakan ilmiah yang ketat. Faktor kekurangan bimbingan golongan ahli agama yang berwibawa menunjukkan bahawa ruang digital telah menjadi medan perebutan tafsir ayat-ayat al-Quran.

Secara keseluruhannya, dapatan analisis hasil perbincangan para sarjana ini memperlihatkan bahawa faktor peminggiran terhadap al-Quran oleh masyarakat Islam bukan sekadar kelemahan individu, tetapi merupakan fenomena sistemik hasil interaksi teknologi, budaya, dan kelemahan struktur sosial. Sementara itu, penemuan implikasi yang berlaku pula didapati sangat penting bagi membuktikan bahawa cabaran utama umat Islam bukan sekadar isu literasi teknologi, tetapi juga literasi Qurani. Sekiranya budaya membaca, memahami


dan mengamalkan al-Quran terus menuju kelemahan, maka fungsi al-Quran sebagai asas pembinaan tamadun ilmu akan turut terjejas. Analisis turut menunjukkan bahawa hampir semua implikasi yang dikenal pasti mempunyai kaitan langsung atau tidak langsung dengan kemerosotan etika komunikasi digital, sekali gus memperlihatkan hubungan antara peminggiran al-Quran dan fenomena ketidaksantunan digital. Secara jelas, implikasi ini menggambarkan bahawa peminggiran al-Quran memberikan impak terhadap daya tahan sosial umat Islam digital secara holistik. Generasi ini sedang membesar dalam ekosistem digital yang mendominasi pemikiran, emosi, dan perilaku mereka secara total. Jika perintah baca-faham-amal tidak dipugar dengan strategi khusus untuk masyarakat Islam, maka al-Quran berisiko terus terpinggir sebagai teks ritual dan simbolik, bukan lagi sebagai pedoman kehidupan yang menyeluruh. Maka, pemugaran al-Quran ini perlu dilihat sebagai usaha memperkukuh semula budaya ilmu dengan mengambil kira ekosistem digital yang sedang membentuk cara generasi Muslim kini berinteraksi dengan al-Quran.

3.2 Cadangan Integrasi Kerangka Al-Quran + TKS

Kerangka al-Quran melalui pendekatan menekankan perintah Allah S.W.T terhadap baca-faham-amal tidak boleh dilihat sebagai tiga tahap yang terpisah, sebaliknya sebagai satu rantai epistemologi yang bersepadu. Setiap tahap mempunyai fungsi unik, namun saling berkaitan sehingga membentuk keseluruhan pengalaman al-Quran dalam kehidupan seorang Muslim. Integrasi pemugaran yang menggabungkan kedua-dua kerangka al-Quran dan TKS ini dipaparkan dalam Rajah 1 diikuti perincian huraianya.

Rajah 1

Integrasi Kerangka Ayat Al-Quran + TKS terhadap Baca-Faham-Amal



Rajah 1 memperlihatkan kerangka integrasi yang dibangunkan berdasarkan dapatan kajian bagi menangani fenomena peminggiran perintah baca-faham-amal al-Quran dalam kalangan umat Islam. Kerangka ini menunjukkan bahawa cabaran dalam ekosistem digital seperti ketagihan media sosial, fragmentasi maklumat agama, ritualisme digital, dominasi algoritma dan kekurangan bimbingan agama telah menyumbang kepada pelbagai implikasi negatif terhadap penghayatan al-Quran, termasuk pelemahan budaya ilmu Qurani, krisis identiti, kelemahan penghayatan spiritual, etika komunikasi dan lain-lain. Bagi menanganinya, kajian ini mengintegrasikan empat ayat al-Quran dengan empat prinsip TKS, iaitu ayat i). surah al-Baqarah: 286 + keyakinan terhadap kemampuan diri, ii). Surah al-Ahzab: 21 + teladan yang baik, iii). , Surah al-‘Asr: 1–3 + sokongan sosial, dan iv). Surah al-Ra’d: 11 + perubahan diri secara berterusan. Pengintegrasian ini berfungsi sebagai mekanisme pemugaran yang menyokong pembentukan budaya baca-faham-amal al-Quran dalam kehidupan seharian masyarakat Islam masa kini. Kerangka ini menggambarkan hubungan sebab-akibat yang bersifat dinamik, iaitu faktor-faktor peminggiran menghasilkan implikasi tertentu terhadap penghayatan al-Quran, manakala integrasi kerangka al-Quran dan TKS berfungsi sebagai mekanisme intervensi yang membawa kepada pembentukan Budaya Qurani Digital. Melalui

pendekatan ini, pemugaran baca-faham-amal al-Quran tidak hanya tertumpu kepada perubahan individu, tetapi turut melibatkan pengukuhan persekitaran sosial dan ekosistem digital yang menyokong penghayatan wahyu secara berterusan.

3.3 Aplikasi Kerangka Al-Quran + TKS terhadap Baca-Faham-Amal

Dapatan memperlihatkan kerangka integrasi ayat al-Quran + TKS berupaya diaplikasikan dalam proses pemugaran hubungan manusia dengan al-Quran melalui pendekatan yang menyeluruh, melibatkan aspek individu, sosial dan persekitaran. Perincian aplikasi dipaparkan dalam Jadual 3, diikuti huraian terperinci bagi memperlihatkan perbincangan analisis.

Jadual 3

Aplikasi Kerangka Ayat al-Quran + TKS terhadap Baca-Faham-Amal

Kerangka al-Quran + TKS		FPQ	IPQ	Aplikasi	HP
Ayat al-Quran	TKS				
<p>Ayat 1: Surah al-Baqarah 2:286)</p> <p>لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا</p> <p>Maksud: <i>Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya</i></p>	KKD	<p>Ketagihan media sosial</p> <p>Pengaruh algoritma digital dan kelemahan motivasi sendiri</p>	<p>budaya ilmu al-Quran lemah</p> <p>Pengaruh al-Quran semakin rendah</p> <p>etika komunikasi digital merosot</p>	<p>Baca: Bina yakin</p> <p>Faham: Tingkat yakin</p> <p>Amal: Galak amal nilai al-Quran</p>	<p>Yakin diri hayati al-Quran dan tingkat literasi Qurani</p>

<p>Ayat 2: Surah al-Ahzab (33:21)</p> <p>لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ</p> <p>Maksud: <i>Sesungguhnya pada diri Rasulullah terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu.</i></p>	<p>TB</p>	<p>Frag. maklumat agama</p> <p>Kurang bimbingan agama berautoriti</p>	<p>Keliru dengan identiti Muslim digital</p>	<p>Baca: Contohi amalan Rasul dan para ilmuwan</p> <p>Faham: Dapat bimbingan</p> <p>Amal: Jadikan nilai dan akhlak Qurani sebagai amalan harian</p>	<p>Bentuk model Qurani yang sah dan hindar keliru agama</p>
<p>Ayat 3: Surah al-‘Asr: 1–3</p> <p>وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ</p> <p>Maksud: <i>Demi Masa, sesungguhnya manusia berada dalam</i></p>	<p>SS</p>	<p>Ritualisme digital</p> <p>Pengaruh budaya media sosial</p>	<p>Lemah Hayati spiritual</p>	<p>Baca: Wujud komuniti</p> <p>Faham: Galak Kongsi ilmu</p> <p>Amal: Budaya amalan saling nasihat</p>	<p>Kukuh budaya ilmu dan komuniti Qurani digital yang positif.</p>

<p><i>kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh, dan mereka saling berpesan dengan kebenaran serta saling berpesan dengan kesabaran.</i></p>					
<p>Ayat 4: Surah al-Ra'd: 11</p> <p>إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ</p> <p>Maksud: <i>Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.</i></p>	<p>PSB</p>	<p>Semua faktor dalam eko. digital</p>	<p>Semua implikasi yang telah dikenal pasti</p>	<p>Baca: Bentuk rutin dan disiplin</p> <p>Faham: Hubung al-Quran dengan realiti hidup</p> <p>Amal: Ubah tingkah laku dan sekitar sosial</p>	<p>Bentuk budaya Qurani digital yang lestari melalui perubahan individu dan sekitar secara serentak.</p>

Petunjuk:

TKS	<i>Teori Kognitif Sosial</i>
KKD	<i>Keyakinan Kemampuan Diri (Self-efficacy)</i>
TB	<i>Teladan yang baik (Modelling)</i>
SS	<i>Sokongan Sosial (Social Reinforcement)</i>
PSB	<i>Perubahan secara berterusan (Reciprocal Determinism)</i>
FPQ	<i>Faktor Peminggiran al-Quran</i>
IPQ	<i>Implikasi Peminggiran al-Quran</i>
frag.	<i>fragmentasi</i>
eco.	<i>Ekosistem</i>
HP	<i>Hasil Pemugaran</i>

Berdasarkan Jadual 3, analisis empat ayat al-Quran yang didapati berkaitan dengan empat prinsip dalam TKS akan dikupas dan dibincangkan berdasarkan Tafsir al-Tabari, Tafsir Ibn Kathir dan *Fi Zilal al-Quran* bagi memperlihatkan faktor peminggiran dan implikasi diikuti langkah intervensi Qurani + TKS untuk pemugaran konsep baca, faham, amal al-Quran seterusnya hasil yang diharapkan.

1. Keyakinan terhadap Kemampuan Diri (*Self-efficacy*): Memulihkan Hubungan Individu dengan al-Quran

Prinsip pertama TKS, iaitu Keyakinan terhadap kemampuan diri (*self-efficacy*) yang merujuk kepada kepercayaan individu terhadap keupayaannya untuk melaksanakan sesuatu tugasan sehingga berjaya (Bandura, 1997). Dalam konteks pemugaran budaya Qurani, prinsip ini diaplikasikan melalui Surah al-Baqarah (2:286):

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksud: *Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya.*

Menurut al-Tabari, ayat ini menerangkan setiap perintah dan larangan yang diturunkan oleh Allah SWT berada dalam batas kemampuan manusia untuk melaksanakannya. Allah tidak mensyariatkan sesuatu yang tidak mampu

ditanggung oleh hamba-Nya (al-Tabari, 2001). Dalam konteks penghayatan al-Quran, prinsip ini memberi keyakinan bahawa setiap Muslim mempunyai kemampuan untuk mendekati al-Quran melalui proses pembelajaran yang berperingkat. Tafsir ini diperkukuh oleh Ibn Kathir yang menegaskan bahawa ayat ini merupakan rahmat Allah SWT kepada manusia, iaitu segala tuntutan agama yang diwajibkan berada dalam lingkungan keupayaan manusia, sehingga tiada alasan untuk berputus asa atau merasa tidak mampu mendekati al-Quran (Ibn Kathir, 1999). Kedua-dua tafsir klasik ini menunjukkan asas hubungan manusia dengan agama ialah keyakinan terhadap keupayaan diri melaksanakan tuntutan yang diperintahkan.

Sayyid Qutb di dalam tafsir *Fi Zilalil Quran* pula memperluaskan makna ayat ini dengan menekankan dimensi psikologi dan tarbiah, iaitu rasa tenang, optimis dan tidak berputus asa dalam menghadapi cabaran hidup. Menurut beliau, Islam tidak membina perasaan lemah atau ketidakmampuan, sebaliknya membentuk insan yang sentiasa berusaha memperbaiki diri. Sesungguhnya keimanan kepada Allah dan hari Akhirat melahirkan individu yang bersedia memikul tanggungjawab dan melaksanakan amanah dengan penuh kesedaran. Seorang mukmin memahami bahawa segala ujian, tanggungjawab dan kesukaran yang dihadapi merupakan sebahagian daripada proses pelaksanaan amanah sebagai khalifah Allah di bumi. Justeru, apabila menghadapi kesukaran dalam melaksanakan tuntutan agama, dia tidak berputus asa atau merasa terbeban kerana yakin Allah SWT tidak mensyariatkan sesuatu yang berada di luar kemampuannya. Beliau menegaskan yang kesedaran bahawa Allah mengetahui kemampuan sebenar manusia akan melahirkan ketabahan dan daya tahan dalam melaksanakan syariat. Apabila seseorang mengalami kelemahan atau keletihan, keyakinan terhadap rahmat dan keadilan Allah SWT akan membangkitkan semula semangat untuk terus beramal dan memperbaiki diri (Qutb, 2004).

Berdasarkan ketiga-tiga tafsiran tersebut, kajian ini mentafsirkan ayat ini sebagai asas kepada pembentukan keyakinan terhadap kemampuan diri dalam penghayatan al-Quran. Dalam konteks Muslim digital yang berhadapan dengan ketagihan media sosial dan gangguan algoritma, keyakinan bahawa proses membaca, memahami dan mengamalkan al-Quran boleh dilaksanakan secara berperingkat menjadi elemen penting dalam usaha pemugaran budaya baca-faham-amal al-Quran. Proses pemugaran dalam konteks ini memperlihatkan

aspek baca, ayat ini membina keyakinan bahawa interaksi dengan al-Quran boleh dimulakan secara berperingkat mengikut kemampuan individu. Dari aspek faham, ayat ini menggalakkan proses tadabbur dan pembelajaran yang berterusan tanpa rasa rendah diri atau putus asa. Dari aspek amal, ia mendorong individu mengaplikasikan nilai-nilai al-Quran secara konsisten dalam kehidupan harian. Melalui proses ini, pemugaran budaya baca-faham-amal al-Quran dapat meningkatkan keyakinan diri serta memperkukuh literasi dan penghayatan Qurani dalam kalangan masyarakat Muslim.

2. Teladan yang Baik (*Modelling*): Membentuk Autoriti dan Identiti Qurani

Prinsip teladan yang baik (*modelling*) merujuk pengaruh daripada ibu bapa, guru, pendakwah dan tokoh masyarakat dalam membentuk budaya Qurani. Dalam konteks pemugaran budaya Qurani, prinsip ini diaplikasikan melalui Surah al-Ahzab (33:21), iaitu:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksud: *Sesungguhnya pada diri Rasulullah terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu.*

Al-Tabari menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan umat Islam menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh dalam kesabaran, ketaatan, perjuangan dan pelaksanaan syariat Islam (al-Tabari, 2001). Rasulullah SAW merupakan model praktikal kepada segala ajaran yang terkandung dalam al-Quran. Ibn Kathir menghuraikan bahawa ayat ini menjadi asas kepada kewajiban mengikuti sunnah Rasulullah SAW dalam perkataan, perbuatan dan akhlak. Baginda bukan sekadar penyampai wahyu, tetapi juga pelaksana kepada segala ajaran yang diturunkan oleh Allah SWT (Ibn Kathir, 1999). Perluasan tafsir oleh Sayyid Qutb dengan melihat Rasulullah SAW merupakan gambaran hidup kepada al-Quran yang bergerak dalam realiti masyarakat. Baginda menterjemahkan nilai-nilai al-Quran ke dalam tindakan yang boleh dilihat, ditiru dan diamalkan oleh manusia (Qutb, 2003). Sintesis tafsir klasik dan moden menunjukkan bahawa proses pembelajaran agama memerlukan model teladan

yang mampu menterjemahkan nilai-nilai al-Quran ke dalam tingkah laku yang nyata.

Berdasarkan tafsiran tersebut, konsep uswah hasanah berfungsi menangani faktor fragmentasi maklumat agama dan kekurangan bimbingan agama berautoriti yang dikenal pasti dalam kajian. Kedua-dua faktor ini didapati menyumbang kepada cabaran pembentukan identiti Muslim digital dan penyebaran kandungan agama yang tidak sahih dalam ruang maya. Aspek **Baca** merujuk proses individu digalakkan mencontohi amalan Rasulullah SAW sebagai model terbaik dan para ilmuwan tentang cara al-Quran sepatutnya dibaca. **Faham** pula ialah usaha bimbingan daripada guru, ibu bapa, pendakwah dan institusi agama membantu memastikan proses memahami al-Quran berlaku berdasarkan sumber yang sahih. Seterusnya aspek **amal** merujuk nilai dan akhlak Qurani yang diterjemahkan kepada tingkah laku yang boleh diperhatikan dan dicontohi oleh masyarakat. Ini bermakna, prinsip teladan yang baik berfungsi sebagai mekanisme sosial yang memperkukuh autoriti ilmu, mengurangkan kekeliruan agama dan membentuk identiti Muslim digital yang lebih berteraskan al-Quran. Dalam era media sosial, kewujudan model teladan yang sahih menjadi semakin penting kerana pengguna berhadapan lambakan pendakwah digital yang tidak semuanya memiliki autoriti ilmu yang mencukupi.

3. Sokongan Sosial (*Social Reinforcement*): Membina Komuniti Qurani Digital

Dalam konteks pemugaran budaya Qurani, prinsip ketiga TKS, iaitu sokongan sosial (*social reinforcement*) yang merujuk sokongan dan galakan daripada komuniti serta institusi sosial dikaitkan dengan Surah al-'Asr (103:1-3):

وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ

Maksud: *Demi Masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh, dan mereka saling berpesan dengan kebenaran serta saling berpesan dengan kesabaran.*

Al-Tabari menjelaskan bahawa kejayaan seseorang mukmin tidak hanya bergantung kepada keimanan dan amal soleh secara individu, tetapi turut

memerlukan usaha saling mengingatkan dan membimbing antara satu sama lain dalam kebenaran dan kesabaran (al-Tabari, 2001). Ibn Kathir pula menegaskan bahawa masyarakat Islam yang berjaya ialah masyarakat yang sentiasa menggalakkan anggotanya melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkar. Budaya nasihat dan dorongan sesama Muslim merupakan asas penting kepada pembangunan ummah (Ibn Kathir, 1999). Seterusnya, Sayyid Qutb melihat ayat ini sebagai asas pembentukan masyarakat Islam yang berfungsi melalui hubungan sosial yang saling menyokong dan memperkukuh nilai-nilai keimanan. Beliau menggambarkan bahawa Islam bukan sekadar agama individu tetapi agama yang membentuk komuniti. Pengukuhan nilai dan amalan agama memerlukan suasana sosial yang sentiasa menyokong dan menggalakkan ahli masyarakat untuk terus berada di atas jalan kebenaran. Peringkat tertinggi dalam interaksi dengan al-Quran ialah mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya.

Walau bagaimanapun, proses mengamalkan al-Quran sering berdepan pelbagai cabaran kerana tuntutan syariat memerlukan perubahan sikap, tingkah laku dan gaya hidup. Dalam hal ini, Sayyid Qutb menegaskan bahawa kesabaran merupakan syarat utama dalam mempertahankan kebenaran. Seseorang yang berusaha mengamalkan al-Quran perlu bersabar dalam melawan hawa nafsu, meninggalkan amalan yang bertentangan dengan syariat dan mengekalkan istiqamah dalam melaksanakan perintah Allah SWT (Qutb, 2004). Kesabaran juga diperlukan apabila seseorang berhadapan dengan tekanan sosial, kritikan atau cabaran yang menghalang pelaksanaan nilai-nilai al-Quran. Sintesis ketiga-tiga tafsir memperlihatkan bahawa penghayatan agama tidak dapat dipisahkan daripada peranan komuniti dalam membentuk dan mengekalkan tingkah laku yang positif. Dalam konteks kajian ini, prinsip sokongan sosial berfungsi menangani ritualisasi digital yang menyebabkan hubungan dengan al-Quran berlaku secara simbolik tanpa disertai penghayatan yang mendalam. Fenomena ini seterusnya menyumbang kepada kelemahan penghayatan spiritual dan pelemahan budaya ilmu Qurani dalam kalangan Muslim digital. Penemuan ini menunjukkan bahawa ritualisasi digital boleh ditangani apabila interaksi dengan al-Quran berlaku dalam komuniti yang aktif membimbing, menegur dan memperkukuh penghayatan secara kolektif. Dalam konteks ini, prinsip *tawasaw bil-haqq* dan *tawasaw bis-sabr* yang terkandung dalam Surah al-‘Asr berfungsi

sebagai mekanisme sosial yang mengubah hubungan dengan al-Quran daripada sekadar simbol kepada amalan yang dihayati dan dilaksanakan secara berterusan.

Dari aspek baca, ayat ini menggalakkan pembentukan komuniti al-Quran seperti halaqah, kumpulan tadabbur dan forum ilmu yang mendorong amalan membaca secara konsisten; faham, budaya perkongsian ilmu dan perbincangan yang berasaskan sumber sahih dapat memperkukuh kefahaman terhadap mesej al-Quran secara lebih kritis dan kontekstual; manakala aspek amal, prinsip *tawasaw bil-haqq* dan *tawasaw bis-sabr* mendorong pembentukan budaya saling menegur, menyokong dan memperkukuh amalan Qurani dalam kehidupan harian. Oleh itu, pemugaran budaya Qurani memerlukan pembinaan komuniti digital yang bukan sahaja menyebarkan maklumat agama, tetapi turut menggalakkan penghayatan dan amalan yang berterusan.

4. Perubahan Diri yang Berterusan (*Reciprocal Determinism*): Ke Arah Pembentukan Budaya Qurani

Prinsip keempat merupakan teras utama dalam TKS, iaitu Perubahan diri secara berterusan (*Reciprocal Determinism*) yang menjelaskan tentang tingkah laku manusia terbentuk melalui hubungan dinamik antara faktor peribadi, tingkah laku dan persekitaran. Prinsip ini dikaitkan dengan Surah al-Ra'd (13:11):

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksud: *Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*

Menurut al-Tabari, ayat ini menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku kepada seseorang atau sesebuah masyarakat bergantung kepada perubahan yang mereka lakukan terhadap diri mereka sendiri sama ada dari sudut keimanan, sikap mahupun tingkah laku (al-Tabari, 2001). Tafsiran ini diperkukuh oleh Ibn Kathir yang menjelaskan bahawa nikmat yang dikurniakan Allah SWT akan berkekalan apabila manusia terus berada dalam ketaatan. Sebaliknya, perubahan ke arah keburukan berlaku apabila manusia mengubah diri mereka kepada kemaksiatan dan kelalaian (Ibn Kathir, 1999). Sayyid Qutb pula memperluaskan

makna ayat ini dengan menegaskan bahawa perubahan tamadun dan masyarakat bermula daripada revolusi dalaman yang berlaku dalam diri individu. Perubahan pemikiran, kefahaman dan nilai hidup akan menghasilkan perubahan tingkah laku yang akhirnya membentuk masyarakat yang lebih baik. Allah SWT tidak akan mengubah nikmat, kemuliaan dan petunjuk yang diberikan kepada sesuatu masyarakat sehingga mereka sendiri mengubah keadaan dalaman mereka, sama ada dari sudut akidah, pemikiran, akhlak atau amalan. Kemuncak kepada proses interaksi dengan al-Quran ialah pengamalan ajarannya. Dalam tafsiran Sayyid Qutb, perubahan yang dimaksudkan dalam Surah al-Ra'd ayat 11 bukan sekadar perubahan pengetahuan, tetapi perubahan yang diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan tingkah laku. Seseorang yang membaca dan memahami al-Quran tetapi tidak mengamalkan ajarannya belum mencapai tujuan sebenar penurunan wahyu. Sebaliknya, apabila kefahaman al-Quran diterjemahkan kepada amalan seperti menjaga solat, berlaku jujur, menunaikan amanah, berakhlak mulia dan menjauhi maksiat, maka perubahan dalaman yang dikehendaki oleh Allah SWT telah berlaku. Sayyid Qutb menjelaskan bahawa apabila manusia mengubah keadaan diri mereka kepada kebaikan, Allah SWT akan mengubah keadaan hidup mereka kepada keadaan yang lebih baik. Sebaliknya, apabila manusia meninggalkan petunjuk Allah dan merosakkan diri mereka dengan dosa serta kemungkaran, nikmat yang diberikan boleh ditarik balik dan digantikan dengan kesusahan (Qutb, 2004). Dalam konteks penghayatan al-Quran, hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan baca dan faham al-Quran hanya dapat diukur melalui perubahan amalan yang lahir daripada kedua-duanya. Sintesis ketiga-tiga tafsir menunjukkan bahawa perubahan tidak berlaku secara terasing, tetapi melalui interaksi berterusan antara individu dan persekitarannya.

Dalam konteks kajian, prinsip perubahan secara berterusan berfungsi menangani keseluruhan faktor peminggiran yang dikenal pasti, iaitu ketagihan media sosial, fragmentasi maklumat agama, ritualisasi digital, dominasi algoritma dan kekurangan bimbingan agama berautoriti. Faktor-faktor tersebut saling mempengaruhi dan menghasilkan implikasi yang merangkumi pelemahan budaya ilmu Qurani, cabaran pembentukan identiti Muslim digital, kelemahan penghayatan spiritual, pengurangan pengaruh al-Quran dalam kehidupan serta kemerosotan etika komunikasi digital. Dari aspek baca, individu perlu membentuk rutin dan disiplin yang konsisten dalam berinteraksi dengan al-

Quran walaupun berhadapan dengan pelbagai gangguan digital; aspek faham berfokus pada kefahaman terhadap al-Quran yang perlu dikaitkan dengan realiti kehidupan semasa supaya wahyu tidak dilihat sebagai teks yang terpisah daripada cabaran kontemporari; manakala aspek amal memerlukan nilai-nilai Qurani diterjemahkan kepada tingkah laku yang mampu mempengaruhi persekitaran sosial dan digital secara positif. Hubungan perubahan secara berterusan dan bertimbal balik inilah yang menjadi asas kepada pembentukan Budaya Qurani Digital, iaitu suatu ekosistem yang menghubungkan penggunaan teknologi dengan penghayatan wahyu secara berterusan, bersepadu dan beretika. Dalam konteks ini, Budaya Qurani Digital bukan sekadar merujuk penggunaan teknologi untuk tujuan agama, tetapi proses pembentukan ekosistem digital yang dipandu oleh nilai, adab dan pandangan alam al-Quran dalam membentuk pemikiran, komunikasi dan tingkah laku masyarakat Muslim kontemporari.

Berdasarkan analisis tafsir al-Tabari, Ibn Kathir dan Sayyid Qutb, kajian ini menunjukkan bahawa pemugaran budaya baca-faham-amal al-Quran dapat dijelaskan melalui empat prinsip utama TKS, iaitu keyakinan diri, teladan yang baik, sokongan sosial dan perubahan berterusan yang menjelaskan bagaimana interaksi antara individu, tingkah laku dan persekitaran dapat mempengaruhi penghayatan al-Quran. Integrasi Surah al-Baqarah (2:286), al-Ahzab (33:21), al-‘Asr (103:1–3) dan al-Ra‘d (13:11) memperlihatkan bahawa pemugaran al-Quran memerlukan pendekatan yang menyeluruh bagi menangani faktor dan implikasi peminggiran yang dikenal pasti dalam kajian. Dalam konteks ini, kajian mencadangkan konsep Budaya Qurani Digital sebagai suatu kerangka yang menghubungkan penggunaan teknologi dengan penghayatan wahyu, sekali gus memperkukuh budaya ilmu Qurani, kesantunan digital dan pembentukan masyarakat Muslim yang lebih beretika serta berdaya tahan dalam era digital.

4. PERBINCANGAN

Peminggiran perintah baca-faham-amal al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam yang berpunca daripada aktiviti ketagihan media sosial, fragmentasi maklumat agama, ritualisasi digital, dominasi algoritma digital dan kekurangan bimbingan agama berautoriti didapati selari dengan kajian oleh Alamin dan Putri (2024), Saifullah (2023) serta Maharani dan Nasrulloh (2024). Situasi ini membuktikan perkembangan teknologi digital telah mengubah corak

pembelajaran agama daripada proses yang berstruktur kepada bentuk yang lebih segera, ringkas dan dipengaruhi oleh algoritma platform. Dapatkan kajian ini turut menyokong pandangan Abdul Halim et al. (2019), Razali et al. (2019) dan Nasr (2010) bahawa cabaran utama masyarakat digital bukan lagi kekurangan maklumat agama, tetapi kehilangan dimensi penghayatan yang terkandung dalam wahyu. Walau bagaimanapun, berbeza dengan kajian terdahulu yang meneliti literasi al-Quran, media sosial atau autoriti agama secara terpisah, kajian ini menunjukkan bahawa kelima-lima faktor peminggiran tersebut membentuk suatu rangkaian ekologi digital yang saling mempengaruhi sehingga menghasilkan krisis penghayatan al-Quran secara menyeluruh. Penemuan ini memperlihatkan bahawa cabaran utama masyarakat Muslim digital bukan lagi berpunca daripada satu faktor yang bersifat terasing, tetapi daripada interaksi kompleks antara teknologi, budaya, autoriti agama dan tingkah laku pengguna dalam ekosistem digital kontemporari.

Satu penemuan penting kajian ini ialah keserasian antara empat ayat al-Quran dengan empat prinsip TKS oleh Bandura (1986) dalam menjelaskan proses pembentukan dan pemugaran tingkah laku. Analisis terhadap Surah al-Baqarah (2:286), al-Ahzab (33:21), al-'Asr (103:1–3) dan al-Ra'd (13:11) menunjukkan bahawa pembinaan keyakinan diri, teladan yang baik, sokongan sosial dan perubahan berterusan merupakan prinsip yang telah lama terkandung dalam kerangka tarbiah al-Quran. Penemuan ini selari dengan kajian Jaiyeoba et al. (2024) dan Sebihi & Moazzam (2024) yang menegaskan bahawa al-Quran masih relevan sebagai panduan etika dan moral dalam mendepani cabaran teknologi kontemporari. Dalam hal ini, kajian semasa memperluaskan perbincangan sedia ada dengan mengintegrasikan dapatan literatur, tafsir al-Quran dan Teori Kognitif Sosial ke dalam satu kerangka konseptual yang lebih menyeluruh, iaitu Budaya Qurani Digital.

Selain itu, kajian ini turut menemukan hubungan antara peminggiran al-Quran dengan fenomena ketidaksantunan digital. Ketagihan media sosial, dominasi algoritma dan kekurangan bimbingan agama didapati bukan sahaja melemahkan penghayatan al-Quran, malah turut menyumbang kepada kemerosotan etika komunikasi dalam ruang digital. Penemuan ini selari dengan kajian Azman et al. (2023), Jerome et al. (2024), New dan Tay (2024), serta Johari (2025a; 2025b) yang melaporkan peningkatan ujaran kebencian,

stereotaip dan komunikasi agresif dalam media sosial. Hal ini menimbulkan penemuan yang penting, yaitu fenomena normalisasi ketidaksantunan digital di media sosial. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu tidak menghubungkan fenomena tersebut dengan tahap penghayatan al-Quran. Oleh itu, kajian ini berhujah bahawa budaya baca-faham-amal al-Quran bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pembangunan spiritual, tetapi juga sebagai asas pembentukan kesantunan digital melalui penerapan nilai seperti *tawasaw bil-haqq*, *tawasaw bis-sabr*, hikmah, adab dan tanggungjawab sosial. Menurut Zuraimy et al. (2022), etika Islam yang merangkumi konsep adab dan akhlak merupakan tunjang utama dalam melahirkan masyarakat yang bertamadun

Selain itu, tafsiran Surah al-Ra'd ayat 11 menegaskan bahawa perubahan masyarakat bermula daripada perubahan dalam diri individu. Dalam konteks kajian ini, perubahan tersebut berlaku apabila seseorang membaca al-Quran, memahami mesej yang terkandung di dalamnya dan seterusnya mengamalkan ajarannya dalam kehidupan. Oleh itu, al-Quran bukan sekadar bahan bacaan, tetapi berfungsi sebagai agen transformasi diri dan masyarakat. Dapatan ini juga selari dengan Teori Kognitif Sosial (TKS) yang menekankan peranan keyakinan diri, contoh teladan, peneguhan sosial dan interaksi antara individu dengan persekitaran dalam membentuk tingkah laku. Justeru, usaha memperkasakan perintah baca-faham-amal al-Quran perlu dilaksanakan secara bersepadu bagi melahirkan individu yang menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup serta asas pembentukan peribadi dan masyarakat Islam. Maka, kajian ini berhujah bahawa usaha pemugaran budaya Qurani digital bukan sekadar bertujuan meningkatkan literasi al-Quran, tetapi juga berpotensi menjadi strategi menangani fenomena ketidaksantunan digital yang semakin membimbangkan dalam masyarakat masa kini. Berbeza dengan kajian terdahulu yang meneliti literasi al-Quran, media sosial atau autoriti agama secara terpisah, kajian ini menunjukkan bahawa kelima-lima faktor peminggiran tersebut membentuk suatu rangkaian ekologi digital yang saling mempengaruhi sehingga menghasilkan krisis penghayatan al-Quran secara menyeluruh.

5. KESIMPULAN

Kajian ini mengenal pasti bahawa peminggiran budaya baca-faham-amal al-Quran dalam kalangan Muslim digital dipengaruhi oleh lima faktor utama, iaitu

ketagihan media sosial, fragmentasi maklumat agama, ritualisasi digital, dominasi algoritma digital dan kekurangan bimbingan agama berautoriti. Faktor-faktor tersebut didapati menyumbang kepada beberapa implikasi penting, termasuk pelemahan budaya ilmu Qurani, cabaran pembentukan identiti Muslim digital, kelemahan penghayatan spiritual, pengurangan pengaruh al-Quran dalam kehidupan serta kemerosotan etika komunikasi digital. Dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran utama masyarakat Islam dalam era digital bukan lagi berkaitan akses kepada sumber agama, tetapi lebih tertumpu kepada aspek penghayatan dan penterjemahan nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seharian.

Bagi menangani cabaran tersebut, kajian ini mengemukakan suatu Kerangka Integrasi al-Quran dan Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986) yang menghubungkan empat prinsip utama teori, iaitu keyakinan terhadap kemampuan diri, teladan yang baik, sokongan sosial dan perubahan secara berterusan dengan empat ayat al-Quran yang dipilih berdasarkan analisis tafsir klasik dan moden. Sumbangan utama kajian ini terletak pada pembangunan suatu kerangka konseptual yang menjelaskan hubungan antara faktor peminggiran, implikasi yang terhasil dan mekanisme pemugaran budaya baca-faham-amal al-Quran dalam konteks masyarakat digital kontemporari. Melalui kerangka ini, pemugaran budaya Qurani dilihat bukan sekadar sebagai proses peningkatan literasi al-Quran, tetapi sebagai usaha membentuk individu, komuniti dan persekitaran yang menjadikan al-Quran sebagai panduan pemikiran, tingkah laku dan kehidupan.

Selain itu, kajian ini turut menghujahkan bahawa peminggiran budaya baca-faham-amal al-Quran mempunyai hubungan dengan kemerosotan etika komunikasi dalam ruang digital. Fenomena seperti penyebaran maklumat agama yang tidak sahih, komunikasi agresif dan ketidaksantunan digital boleh ditafsirkan sebagai antara manifestasi pengurangan pengaruh nilai-nilai Qurani dalam kehidupan masyarakat Muslim. Dalam hal ini, konsep Budaya Qurani Digital yang dicadangkan berpotensi menjadi asas kepada pembentukan ekosistem digital yang lebih beretika, beradab dan bertanggungjawab.

Kajian ini seterusnya membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan, khususnya kajian empirikal bagi menguji keberkesanan kerangka yang dicadangkan dalam pelbagai konteks masyarakat Muslim. Penyelidikan masa hadapan juga boleh meneliti peranan institusi pendidikan, keluarga, komuniti

dan platform digital dalam memperkuat budaya baca, faham dan amal al-Quran serta membentuk kesantunan digital yang berteraskan nilai-nilai wahyu. Dengan itu, kajian ini menghujahkan bahawa pemugaran budaya baca-faham-amal al-Quran bukan sahaja merupakan tuntutan keagamaan, malah suatu agenda strategik dalam memperkuat pembangunan insan, kesejahteraan sosial dan peradaban Islam dalam era digital.

PERAKUAN:

Artikel ini tidak pernah dihantar untuk diterbitkan oleh mana-mana penerbit atau mana-mana jurnal yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Halim, Z. Z., Azmi, D. S., & Jasmi, K. A. (2019). Media sosial dan trend penggunaan menurut Islam. In K. A. Jasmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (pp. 1–16). Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Alamin, N., & Putri, L. A. (2024). Literasi digital Qur'ani sebagai upaya preventif mereduksi hoaks. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 13(1). <https://doi.org/10.35967/jkms.v13i1.7560>
- Al-Tabari, M. J. (2001). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Cairo: Hajar.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Azman, N. F., Zamri, N. A. K., & Hassim, M. N. (2023). Hate speech on social media in Malaysia: A thematic review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6), 1599–1611.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Baudrillard, J. (1994). *Simulacra and simulation*. University of Michigan Press. <https://doi.org/10.3998/mpub.9904>
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Johari, Arina. (2025a). Bahasa tubuh digital: Evolusi kesantunan bukan lisan Melayu. *Dewan Bahasa*, 11, 56–59.
- Johari, Arina. (2025b). Evolusi kesantunan Melayu. *Pelita Bahasa*, 37(10), 47–49.

- Johari, Arina. (2019). *Pola strategi dan maksim kesantunan dalam rancangan bual bicara* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Jaiyeoba, H. B., Ushama, T., & Amuda, Y. J. (2024). The Quran as a source of ethical and moral guidance in contemporary society. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(2), 1331–1345. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.485>
- Jerome, C., Hasbi, N., & Ting, S. H. (2024). “Stop being racist”: What Malaysians say about race on social media – A thematic analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 392–407.
- Maharani, D. B., & Nasrullah, N. (2024). A Qur'anic perspective on social media: Preserving self-dignity in the digital era. *Journal of Scientific Interdisciplinary*, 1(4), 81–90.
- Mohd Ismath, N. H., Mokhtar, N. Z. N., Johari, A., & Abd Aziz, A. H. (2023). Politeness in marital relationship depicted from Holy Qur'an: Pragmatic study and cultural intelligent perspective. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, 15(2), 58–77.
- Mohd Hambali Rashid, M., & Ahmad, S. (2017). Islam dalam mendepani cabaran budaya global dan dunia moden. In *Proceedings of the International Seminar on Islam, Culture and Heritage (ISICH 2017)*. Universiti Utara Malaysia.
- Nasr, S. H. (2010). *Pengenalan doktrin kosmologi Islam* (B. Ahmad & O. Bakar, Trans., 2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- New, K. H., & Tay, S. J. (2024). Exploring the social and cultural implications of hate speech on Facebook in Malaysia. *Sains Humanika*, 16(1), 19–31.
- Qutb, S. (2004). *Fī Zīlāl al-Qur'ān*. Cairo: Dar al-Shuruq.
- Rahmawati, D. A., Abouzeid, M., Nirwana, A., Hidayat, S., & Rhain, A. (2025). Investigating online Quran interpretation: Methods and sources on Muslimah.or.id and its contribution to online Islamic discourse. *QiST: Journal of Quran and Tafseer Studies*, 4(1), 75–90. <https://doi.org/10.23917/qist.v4i1.7322>
- Razali, N. A., Noor, H., & Jasmi, K. A. (2019). Media sosial dan impak negatif menurut Islam. In K. A. Jasmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi*

- dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (pp. 33–48). Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Saifullah, M. F., & Richtig, I. (2022). Quranreview: Interaksi anak muda Muslim dengan al-Quran di era digital. *Subuf*, 15(2). <https://doi.org/10.22548/shf.v15i2.765>
- Sarim, D., Sitika, A. J., Tarlam, A., & Khoeriyah, C. (2025). Analisis penerapan nilai-nilai Qur'ani dalam pembentukan literasi digital remaja Muslim di era media sosial. *Mimbar Kampus*, 24(1). <https://doi.org/10.47467/mk.v24i1.6041>
- Sahil, I. (2024). Fiqh kontemporer dalam pengaturan etika media sosial bagi umat Muslim. *Journal of Economic and Islamic Research*, 3(1), 379–390. <https://doi.org/10.62730/journalofeconomicandislamicresearch.v3i1.141>
- Sebihi, A., & Moazzam, A. (2024). Islam in the digital age: Navigating faith and technology. <https://doi.org/10.36713/epra15075>
- Zahid, I., & Johari, A. (2018). Kesantunan Melayu: Analisis konteks perbualan dalam rancangan bual bicara. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4), 168–185.
- Zuraimy, A., Azhar, A. R., Noraini, I., & Nadiyah, H. (2022). Etika Islam dalam membina peradaban manusia yang cemerlang. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(Special Issue), 168–179.